



**Sahabat Alam Malaysia**  
**Friends of the Earth Malaysia**  
For Environmental Justice

1, Jalan Joki, 11400 Penang, Malaysia  
Tel No: +604 827 6930  
Fax No: +604 827 6932  
Email: foemalaysia@gmail.com  
<https://www.foe-malaysia.org>

Ulasan Akhbar

11 Mei 2023

### **Penambakan 2,500 ekar tidak boleh diterima**

Ini masih tidak boleh diterima kerana 2,500 ekar penambakan masih sangat besar dan akan menjejaskan kawasan perikanan dan alam sekitar. Selain itu, ia akan melibatkan jumlah pasir yang besar untuk penambakan dari perairan Pulau Pinang atau Perak, menyebabkan lebih banyak kerosakan.

Adalah tidak betul untuk mengatakan sebilangan kecil nelayan akan terjejas kerana ia adalah mengenai kemusnahan kawasan kukup, terumbu karang yang menjejaskan habitat marin dan penghijrahan udang. Jadi bukan sahaja nelayan di kawasan itu tetapi di sepanjang perairan Pulau Pinang, Kedah dan Perak.

Tidak ada keperluan untuk projek itu sama sekali kerana pembiayaan untuk LRT sudah dijanjikan oleh kerajaan Persekutuan. Tiada sebarang justifikasi untuk itu dan kita mempunyai tanah di Seberang Perai seperti yang diakui sendiri oleh Ketua Menteri seluas 12,000 hektar.

### **Batalkan Projek. Bukan kecilkan!**

Meenakshi Raman  
Presiden  
Sahabat Alam Malaysia (SAM)